

Penggunaan Ujian Kloz dalam Mengukur Kebolehbacaan Teks Arab untuk Pembaca Bukan Arab di Malaysia: Satu Kajian Rintis

**KAMARULZAMAN ABDUL GHANI
HASSAN BASRI AWANG MAT DAHAN
NIK MOHD. RAHIMI NIK YUSOFF**

ABSTRAK

Pelbagai teknik dan kaedah telah diperkenalkan oleh para pengkaji bidang kebolehbacaan dalam mengukur tahap kesukaran sesebuah teks bacaan. Teknik dan kaedah ini telah melibatkan berbagai-bagai bahasa di dunia khususnya bahasa Inggeris. Namun dalam konteks mengukur teks berbahasa Arab, kajian seumpama ini amat kurang dilakukan. Alat ukur yang sering digunakan dalam mengukur teks bacaan bahasa Arab adalah ujian kloz khususnya dalam kalangan pembaca Arab. Di Malaysia, belum dilakukan kajian yang cuba mengukur bahan-bahan bacaan bahasa Arab sebagai bahasa asing dalam kalangan pembaca bukan Arab. Oleh itu, kajian ini cuba meninjau kesesuaian format dan bentuk ujian ini untuk mengukur tahap kesukaran atau kebolehbacaan bahan bacaan bahasa Arab dalam kalangan murid bukan Arab di Malaysia melalui satu kajian rintis. Hasil kajian ini mendapati ujian ini memperoleh tahap kebolehpercayaan yang tinggi bagi kedua-dua format yang digunakan (0.83 dan 0.78). Pengkaji juga dapat mengenal pasti format ujian kloz yang lebih sesuai iaitu dengan menggunakan format jawapan aneka pilihan.

Kata kunci: kebolehbacaan, ujian kloz, teks Arab

ABSTRACT

Various techniques and methods have been introduced by researchers in the field of readability in assessing the level of difficulty of a reading text. These techniques and methods has been involved in various world languages, especially English. However, in the context of measuring the Arabic text, such studies are far less committed. Measuring tool that is often used in measuring the Arabic reading text is a cloze test especially among Arab readers. In Malaysia, there is no study that tried to measure the reading materials in Arabic as a foreign language among non-Arab readers. Therefore this study tried to explore the suitability of the format and form of this test to measure the level of difficulty or readability reading Arabic among non-Arab students in Malaysia through a pilot study. Results of this study found this test receive a high level of reliability for both the format used (0.83 and 0.78). In addition researchers can also identify the format of the cloze test more suitable format by using the multiple choice answers.

Keywords: Readability, cloze test, Arabic text

PENGENALAN

Dalam mengukur kebolehbacaan atau senang susah bahan-bahan bacaan, terdapat lapan bidang utama yang telah mengguna pakai formula kebolehbacaan. Selain bidang pendidikan yang paling banyak terlibat dengan kajian kebolehbacaan, bidang bahasa asing juga merupakan antara bidang yang terlibat dalam menggunakan kajian kebolehbacaan. Dalam pembelajaran bahasa kedua atau asing pemilihan dan penggunaan buku teks yang sesuai dengan keperluan dan tahap pelajar perlu diambil kira. Oleh itu, salah satu kriteria yang perlu diteliti dalam penyediaan buku teks pembelajaran bahasa sebagai bahasa asing adalah kebolehbacaannya (Nuttal, 1985). Klare (1969), Chall (1974) dan Khadijah Rohani (1982) menyatakan kajian kebolehbacaan dalam bahasa selain bahasa Inggeris adalah amat kurang. Kebanyakan kajian kebolehbacaan dipelopori dan dihasilkan oleh penyelidik-penyelidik di Amerika Syarikat berdasarkan teks berbahasa Inggeris dalam kalangan penutur Inggeris dan juga penggunaan bahan berbahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau asing (Klare, 1969).

Kajian terhadap bahasa asing bermula dengan mengaplikasi teori dan kaedah mengukur yang telah dihasilkan terhadap bahasa asing di Amerika seperti bahasa Perancis dan Sepanyol (Klare, 1969). Menurut Khadijah Rohani (1982) biasanya ada empat prosedur yang dilakukan apabila sesebuah teks bahasa asing hendak dianalisis tahap kebolehbacaannya iaitu: (i) membina perkataan asas atau senarai kekerapan perkataan, (ii) mengadaptasi formula kebolehbacaan bahasa Inggeris, (iii) membina formula kebolehbacaan sendiri, dan (iv) mengadaptasi prosedur ujian klox. Manakala Toiemah (1984) menambah perlu disertakan senarai semak bagi menilai kebolehbacaan dari aspek-aspek yang tidak dapat diukur oleh formula-formula atau kaedah sedia ada.

Berdasarkan tinjauan Khadijah Rohani (1982) pelbagai bahasa telah cuba mengaplikasi teori kebolehbacaan sama ada dengan pengubahsuaian formula yang sedia ada atau mengenal pasti pemboleh ubah kebolehbacaan bahasa yang dikaji. Antara bahasa tersebut adalah bahasa Perancis, Sepanyol, Portugis, Brazil, Rusia, German, Korea dan Cina serta bahasa Melayu yang dikaji oleh beliau sendiri. Manakala kajian kebolehbacaan terhadap bahasa Arab sebagai bahasa asing masih tidak ada kajian yang meluas mengenainya. Berdasarkan tinjauan pengkaji, terdapat satu kajian yang dilakukan oleh Toiemah (1978) dalam cubaan menguji kesesuaian penggunaan prosedur ujian klox bagi menentukan tahap kebolehbacaan buku teks bahasa Arab sebagai bahasa asing yang digunakan di beberapa universiti di Amerika Syarikat. Namun terdapat beberapa kajian kebolehbacaan bahan bacaan berbahasa Arab dalam kalangan penutur Arab telah dilakukan. Antaranya kajian BÉdÊ (1982) yang meninjau faktor-faktor yang mempunyai hubungan yang kuat dengan senang susah teks Arab serta menentukan kaedah sedia ada yang sesuai untuk mengukur senang susah teks Arab yang dikaji bagi penutur Arab. Manakala kajian-kajian yang lain lebih tertumpu kepada menentukan tahap kebolehbacaan buku-buku teks bahasa Arab dengan menggunakan ujian klox seperti kajian JadÑÉn (1989) Naqras (1991), al-NÉjÉ (2007) dan RawÉsyidah (1995).

Di Malaysia, penggunaan formula kebolehbacaan sebagai alat mengukur sesebuah bahan bacaan masih agak asing khususnya kepada para penulis dan penerbit, malah dalam kalangan pendidik. Proses penghasilan buku-buku yang dijadikan teks pembelajaran di sekolah biasanya berdasarkan andaian khususnya dalam menentukan kesesuaiannya terhadap pelajar sasaran (Khadijah Rohani, 1987). Terdapat beberapa kajian kebolehbacaan yang pernah dilakukan di pusat-pusat pengajian tinggi dalam bidang-bidang tertentu sama ada melibatkan teks berbahasa Melayu atau Inggeris, namun belum lagi menjadi

salah satu petunjuk yang dijadikan panduan dalam menentukan aras bahan bacaan yang bakal dihasilkan. Apatah lagi dalam penghasilan buku yang berorientasikan bahasa Arab yang dikategorikan sebagai bahasa asing.

Justeru, kajian ini bertujuan membentangkan satu kajian rintis yang dilakukan bagi menentukan kesesuaian ujian kloz dalam mengukur kebolehbacaan bahan-bahan bacaan berbahasa Arab dalam kalangan pembaca bukan Arab, khususnya para murid sekolah di Malaysia. Fokus bahan bacaan dalam kajian rintis ini adalah buku teks mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi (BAT) tingkatan 4 yang digunakan dalam kalangan murid Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).

DEFINISI KEBOLEHBACAAN

Kebolehbacaan ialah satu istilah yang diberikan kepada salah satu proses semasa membaca, khususnya melibatkan bahan-bahan bacaan. Menurut Spache (1953: 30) dalam menjelaskan maksud kebolehbacaan menyebut "The readability of materials, or in other words the degree of comprehensibility, must constantly be matched to the reading abilities of the child or adult for whom a book is apparently intended". Chall pula pada tahun, 1958 (1974) menjelaskan kebolehbacaan adalah cubaan menerangkan ciri bahan bacaan yang dapat dibaca dengan senang, mempunyai tahap kefahaman yang tinggi, teknik penulisan yang baik dan terdapat densiti minat yang tinggi. Manakala pada tahun, 1963, Klare (1969) menggunakan istilah kebolehbacaan untuk menerangkan bahan yang dibaca dengan mudah dari aspek isi atau penyusunan fizikal, keselesaan membaca disebabkan nilai minat yang tinggi, tahap kefahaman yang tinggi dan gaya penulisan yang baik.

Penjelasan Chall dan Klare tadi telah memberikan gambaran terhadap skop perbincangan dan kajian berkaitan kebolehbacaan. Para sarjana yang datang kemudiannya tidak memberikan kelainan definisi daripada apa yang diperkenalkan sebelumnya. Antaranya Huckin (1993) menyebut kebolehbacaan adalah kesan mudah baca sesebuah teks, daya tarikan dan kandungan bahan yang mudah untuk memahaminya. Manakala Yujing (2003: 2) menyatakan "...the level of ease or difficulty with which text can be understood by a particular reader who is reading that text for a specific purpose." Khadijah Rohani (1987) pula secara ringkas menyatakan ia adalah suatu usaha menyesuaikan dua perkara penting, iaitu pembaca dan bahan bacaan. Pikulski (2002) mendefinisikan kebolehbacaan sebagai suatu ukuran pada sesuatu bahan bacaan yang bersandarkan kepada banyak ciri dalam sesuatu teks dan banyak ciri dalam diri pembaca.

Daripada sorotan ini dapat disimpulkan skop kajiannya tertumpu pada fokus yang sama iaitu untuk menilai tahap kesukaran sesuatu teks bacaan bagi menentukan kesesuaiannya kepada pembaca sasaran dengan mengambil kira dua faktor, iaitu teks bacaan dan diri pembaca. Dalam kajian ini kebolehbacaan yang dimaksudkan adalah satu usaha menentukan tahap kesukaran bahan bacaan berbahasa Arab untuk penutur bukan Arab dan kesesuaiannya dengan pembaca sasaran dengan penumpuan kepada faktor teks.

KAEDAH MENGUKUR KEBOLEHBACAAN

Sejak kajian kebolehbacaan teks bacaan mula mendapat tempat dalam dunia penyelidikan bacaan, pelbagai kaedah telah diguna pakai oleh para pengkaji. Gunning (2003) menyatakan tahap kesukaran sesebuah bahan bacaan boleh diukur dengan menggunakan pendekatan kuantitatif atau pendekatan kualitatif atau gabungan antara keduanya. Hal

ini kerana kedua-dua pendekatan ini masing-masing mempunyai kelebihan dan kekurangan. Melalui ukuran kebolehbacaan, ia boleh menggambarkan pembacaan yang senang, menarik minat dan kefahaman yang senang. Apabila hendak mengukur kebolehbacaan, Gilliland (1972) menjelaskan empat ciri penting yang mempengaruhi pemilihan kaedah yang hendak digunakan iaitu senang untuk digunakan, senang untuk ditanda, senang untuk dikira dan tepat.

Menurut Gilliland (1972) lagi terdapat lima kaedah yang sering digunakan dalam mengukur kebolehbacaan bahan bacaan, iaitu (i) pengukuran subjektif atau tinjauan dan pendapat pakar, (ii) teknik soal jawab berobjektif, (iii) penggunaan formula, (iv) graf dan carta, dan (v) penyempurnaan ayat dan prosedur klox. Pandangan ini sejajar dengan apa yang diketengahkan oleh Klare (1969) dan Chall (1974) serta para sarjana lain tentang kaedah yang boleh digunakan untuk mengukur kebolehbacaan. Manakala Toiemah (1984) menambah selain kaedah-kaedah yang dinyatakan di atas bagi mengukur sebuah buku teks satu analisis keseluruhan kandungan boleh juga dilakukan. Harris dan Sipay (1990) menyimpulkan kaedah-kaedah untuk mengukur bahan bacaan kepada tiga, iaitu (i) mengambil kira pertimbangan atau pandangan pakar, (ii) menggunakan formula kebolehbacaan, dan (iii) menggunakan prosedur ujian klox atau ujian membaca tidak formal. Setiap daripada kaedah ini mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri. Justeru, Klare (1975), Harrison (1980) dan Alderson (2000) mencadangkan bagi mendapatkan dapatan yang mempunyai kesahan yang tinggi penggunaan lebih daripada satu kaedah adalah digalakkan.

UJIAN KLOZ

Ujian klox adalah antara teknik popular yang digunakan sebagai alat untuk mengukur kebolehbacaan sesuatu bahan bacaan dan juga tahap kefahaman murid. Ujian klox merupakan satu cara mengukur sejauh mana seseorang pembaca biasa dengan bahasa dan kandungan bahan yang dibacanya. Torres dan Roig (2005) mendakwa bahawa ujian klox adalah antara alternatif yang baik untuk mengukur kesesuaian bahan bacaan dengan tahap kebolehan membaca seseorang. Kelainan dan kelebihan kaedah ini berbanding kaedah lain adalah wujudnya interaksi langsung antara bahan bacaan yang diukur dengan pembaca melalui instrumen ujian klox yang digunakan dalam satu masa (Marohaini, 1999; Rye, 1982; Williams, Leung, Kent & Heazlewood, 2002), berbanding kaedah lain yang memerlukan dua teknik berasingan sekiranya dua pemboleh ubah ini ingin dikaji.

Jones (1997) menyatakan perbezaan dua pendekatan dalam mengukur kebolehbacaan dengan mengkategorikan sebahagian besar formula kebolehbacaan sebagai pendekatan pasif, manakala pendekatan aktif pula hanya terdapat pada ujian klox kerana sifatnya yang berbentuk interaksi antara teks dan pembaca. Selain itu Alderson (2000) menyatakan banyak kajian telah membuktikan tahap korelasi yang tinggi antara dapatan ukuran kebolehbacaan menggunakan formula dengan ukuran kebolehbacaan yang menggunakan ujian klox.

Prosedur ujian klox diperkenalkan oleh sarjana komunikasi Wilson L. Taylor (1953) di mana beliau berpendapat formula-formula kebolehbacaan yang dihasilkan mempunyai kelemahan kerana diasaskan dengan andaian bahawa satu perkataan pendek lebih mudah difahami berbanding satu perkataan yang panjang. De Santi (1986) mendakwa prosedur klox ini telah pun diperkenalkan lebih awal, iaitu pada tahun 1897 yang dikenali dengan Kaedah Pemenuhan Ayat Ebbinghaus (Ebbinghaus Sentence Completion Method). Kaedah ini dibangunkan berdasarkan prinsip dalam teori pemprosesan maklumat dan

psikologi Gestalt yang melihat sesuatu itu secara keseluruhan di mana seseorang itu cenderung untuk menyempurnakan sesuatu yang tidak lengkap (De Santi, 1986). Teori ini juga dikenali sebagai closure Gestalt. Ia merupakan satu tugas berasaskan aktiviti kognitif pembaca (Rye, 1982).

Ujian ini cuba menguji kebolehan seseorang untuk memahami bahan yang dibaca dengan menyiapkan rangsangan yang diberi dan dilihat dengan mengisi tempat kosong pada setiap perkataan kelima atau keenam atau ketujuh secara konsisten dalam teks tersebut (Rye, 1982 & Marohaini, 1999). Menurut Rye (1982) ahli psikolinguistik dan psikologi beranggapan bahawa proses membaca bukan sekadar proses pengecaman terhadap simbol grafik tulisan sahaja malah ia melibatkan permainan meneka psikolinguistik (Goodman, 1967) dan proses pembinaan bahasa (Ryan & Semmel, 1969). Oleh itu seseorang pembaca yang lancar adalah apabila dia mampu menggunakan faktor-faktor bahasa dalam teks yang dibaca untuk membuat andaian apa yang bakal berlaku berdasarkan urutan bahasa yang biasa baginya.

Terdapat beberapa bentuk hambatan yang boleh menjadi petunjuk kepada pembaca yang lancar dalam mengandaikan urutan bahasa yang bakal berlaku. Hambatan perkataan melalui pemahaman pembaca terhadap maksud perkataan serta pengalaman lepasnya terhadap perkataan tersebut. Ia boleh dilakukan melalui bakat semula jadi pembaca di mana dia mengetahui apa yang berkaitan dengan unsur tata bahasa atau sebaliknya. Manakala hambatan tatabahasa pula merupakan keupayaan menjangkakan urutan bahasa seterusnya berdasarkan pengetahuan dan pengalamannya tentang tata bahasa, konteks ayat serta kaitannya dengan pengetahuan semantik serta pengetahuannya terhadap topik yang dibaca (De Santi, 1986; Rye, 1982).

Penggunaan ujian kloz biasanya untuk mencapai tujuan tertentu. Harrison (1980) menggariskan empat kegunaan ujian kloz, iaitu (i) mengukur kebolehbacaan, (ii) ujian kefahaman yang standard, (iii) mengenal pasti tahap kebolehan dan kekurangan membaca seseorang, dan (iv) pembangunan membaca. Selain itu Gillet dan Temple (1994) menambah dua tujuan penggunaan ujian kloz, iaitu (i) untuk menentukan sama ada petikan bacaan yang digunakan boleh mengenal pasti tahap pembacaan seseorang sama ada pada tahap bebas, pengajaran atau kecewa, dan (ii) untuk mengukur tahap kualiti seseorang pembaca dalam menggunakan konteks sebagai strategi untuk memahami apa yang dibaca.

Williams et al. (2002) menjelaskan ujian kloz menjadi pilihan banyak pengkaji kebolehbacaan kerana ia mempunyai kelebihan yang tersendiri, iaitu (i) ia ringkas dan mudah serta penyediaan, pengurusan dan pemarkatannya tidak membebankan, (ii) item-item ujian kloz terdapat dalam teks yang dikaji, oleh itu tidak wujud pengaruh penguji dalam pembinaan ujian, (iii) ia telah dibuktikan mempunyai tahap kebolehpercayaan dan keesahannya yang tinggi dalam mengukur relatif kebolehbacaan sesuatu bahan bacaan, dan (iv) jawapan ujian dapat diperolehi secara mudah dan objektif.

Selain daripada teknik yang dibincangkan, terdapat beberapa kaedah lain yang boleh digunakan seperti penggunaan inventori bacaan tidak formal (Marohaini, 1999). Kajian ini agak rumit untuk digunakan apabila sampel kajian melibatkan jumlah yang banyak kerana pendekatannya dilakukan kepada sampel secara individu. Selain itu teknik soal jawab juga digunakan (Gilliland, 1972). Teknik ini boleh menimbulkan keraguan terhadap respon responden sama ada jawapannya menggambarkan kesukaran teks yang dikaji atau item soalan yang diuji mempengaruhi kefahaman responden terhadap apa yang ditanya. Ujian kefahaman bacaan dan kelajuan bacaan (Harrison, 1980) adalah antara

kaedah yang digunakan bagi mengukur kebolehbacaan. Sebagaimana teknik soal jawab, ujian kefahaman terdedah kepada persoalan pengaruh penguji dalam penyediaan item ujian, manakala menguji kelajuan bacaan akan menghadapi masalah jika sampel yang terlibat adalah besar.

Sebagaimana telah dinyatakan di atas tidak ada satu kaedah yang sempurna dan terbaik berbanding yang lain. Setiap teknik mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing, justeru kombinasi dua atau lebih kaedah bagi mengukur kebolehbacaan sesebuah adalah digalakkan bagi memperoleh tahap kesahan dapatan yang tinggi.

PEMBINAAN PROSEDUR UJIAN KLOZ UNTUK MENGUKUR KEBOLEHBACAAN TEKS ARAB SEBAGAI BAHASA ASING DI MALAYSIA

Formula-formula kebolehbacaan sedia ada sukar untuk mengukur teks berbahasa Arab kerana ciri bahasa yang berbeza (JadNĒn, 1989), dan hingga kini belum ada formula yang dibina untuk diguna pakai sebagai alat mengukur tahap kebolehbacaan teks bacaan berbahasa Arab (YĒnus, 2003). Oleh itu ujian kloz adalah alternatif yang baik sebagai petunjuk kepada kesesuaian bahan bacaan dengan tahap kebolehan membaca seseorang (Torres & Roig, 2005). Menurut Prof. Dr. Toiemah (1984) dan hasil temu bual berkala pengkaji dengan beliau pada tarikh 5, 12, 19, 26/06 dan 3/07/2006 di Universiti Mansoura, Mesir, hingga kini teknik yang paling sesuai untuk mengukur teks-teks bahasa Arab untuk kegunaan penutur bukan Arab adalah melalui ujian kloz. Pandangan yang sama juga diberikan oleh Prof. Dr. Khadijah Rohani berdasarkan temu bual pengkaji dengan beliau pada 14/02/2006. Pendapat ini juga diakui oleh Prof. Dr. YĒnus (2003) dan temubual dengan beliau pada 29/06/2006 di Universiti Ain Shams, Mesir. Selain itu ujian kloz juga telah terbukti kebolehpercayaan dan kesahannya untuk teks bahasa Arab berdasarkan kajian DĒud (1977), Toiemah (1978) dan beberapa saranan beliau pada tahun-tahun berikutnya (1984, 1985 dan, 1989) serta Shishi (1982) dan JadNĒn (1989). Pandangan yang sama berkaitan kebolehpercayaan dan kesahan ujian ini juga telah dinyatakan oleh Hassan Basri (2002).

Kelebihan kaedah ini berbanding kaedah lain adalah wujudnya interaksi langsung antara bahan bacaan yang diukur dengan pembaca dalam satu masa melalui instrumen ujian kloz yang digunakan (Rye, 1982; Toiemah, 1984; Marohaini, 1999; Williams et al., 2002) berbanding kaedah lain yang memerlukan dua teknik berasingan sekiranya dua pemboleh ubah ingin dikaji. Selain itu, Alderson (2000) menyatakan banyak kajian membuktikan tahap korelasi yang tinggi antara dapatan ukuran kebolehbacaan menggunakan formula dengan ukuran kebolehbacaan yang menggunakan ujian kloz.

Untuk menguji kesesuaian ujian ini digunakan, kajian rintis yang dilakukan menggunakan teks-teks dalam buku teks BAT Tingkatan Empat sahaja. Prosedur yang digunakan bagi membina dan menjalankan ujian ini adalah berdasarkan panduan dan saranan yang telah dikemukakan oleh Toiemah (1984) di samping beberapa sarjana lain seperti BĒdĒ (1982), Hassan Basri (2002), Harrison (1980), Klare, Sinaiko, dan Stolurow (1971), Marohaini (1999), dan Rye (1982) dengan beberapa pengubahsuaian sesuai dengan keperluan dan fokus kajian. Prosedur yang dilakukan adalah seperti berikut :

1. Mengenal pasti tiga teks bacaan daripada 15 topik dalam pembelajaran al-MuĒĒlaĒah yang telah dipilih secara rawak. Menurut Rye (1982) artikel yang sesuai bagi ujian kloz adalah yang mengandungi 250 patah perkataan manakala Toiemah (1984) menyatakan 300 patah perkataan ke atas. Berdasarkan anggaran patah perkataan

setiap topik al-MuĒĒaĒāh dalam buku teks tersebut hanya lapan (8) topik sahaja daripada 15 topik yang mempunyai jumlah perkataan melebihi 250 perkataan. Oleh itu sampel teks dipilih daripada lapan topik tersebut, di mana tiga teks yang di pilih berdasarkan lokasi teks dalam buku teks serta tema teks yang pelbagai.

2. Pemotongan perkataan. Berdasarkan prosedur ujian kloz, pemotongan perkataan dalam teks yang diuji hendaklah dibuat secara konsisten sama ada pada setiap perkataan yang ke lima, ke enam, atau ke tujuh tanpa melihat bentuk ayat dan jenis perkataan. Ia dikira daripada perkataan pertama pada ayat kedua iaitu ayat selepas satu ayat lengkap pada permulaan teks. Dalam kajian ini pemotongan telah dilakukan pada setiap perkataan ketujuh. Menurut Toiemah (1984) perkataan ke tujuh yang dipotong adalah sesuai dan paling banyak digunakan bagi menguji teks bahasa asing. Klare et. al. (1971) menyatakan pemotongan pada setiap perkataan ketujuh lebih baik sekiranya dirasakan kebolehan bahasa pelajar lemah atau teks yang diuji agak sukar. Selain itu menurut Toiemah (1984 dan 2006) lagi, bagi peringkat sekolah jumlah perkataan yang dipotong dalam satu teks hendaklah paling kurang 30 patah perkataan sudah memadai. Daripada tiga teks yang telah dipilih, teks (A) mempunyai 46 tempat kosong, teks (B) 38 tempat kosong dan teks (C) 48 tempat kosong.
3. Dalam pelaksanaan ujian kloz terdapat dua teknik menjawab, iaitu jawapan aneka pilihan dan jawapan bebas tanpa aneka pilihan. Dalam kajian rintis ini, kedua-dua teknik ini akan diuji. Ia dilakukan bagi menentukan teknik yang sesuai serta boleh menggambarkan keadaan paling sebenar tahap kebolehbacaan teks dari pembaca sasaran yang dikaji. Bagi jawapan aneka pilihan, tiga jawapan disediakan bagi setiap tempat kosong yang mana terdapat hanya satu sahaja jawapan yang betul. Tiga jawapan pilihan digunakan sesuai dengan cadangan Guthrie (1973). Namun terdapat banyak cadangan tentang jumlah jawapan pilihan seperti Ozete (1977) dengan dua pilihan, Cranney (1973), Jonz (1976) dan Porter (1976) dengan empat pilihan termasuk Toiemah (1984) yang mencadangkan dua jawapan daripadanya boleh dianggap betul iaitu satu darinya tepat dan satu lagi hampir tepat (perkataan sinonim). Bagi kajian ini pengkaji hanya menyediakan jawapan yang tepat sahaja memandangkan teks yang dikaji ditulis dalam bahasa asing dan merupakan buku teks yang wajib digunakan bagi subjek BAT tingkatan 4. Oleh itu mengambil kira hanya perkataan yang tepat dengan teks asal akan memberi gambaran sebenar tahap kesukaran teks yang dikaji.
4. Teks yang dipilih telah dimasukkan baris sebagaimana yang terdapat dalam buku teks. Namun Toiemah (1984) menyarankan teks yang diuji tidak dimasukkan baris. Pengkaji memilih untuk memasukkan baris berdasarkan tahap kemahiran bahasa murid yang belum mampu sepenuhnya membaca teks Arab tanpa baris berbanding sampel Toiemah yang dilakukan kepada sampel yang sudah matang iaitu pelajar-pelajar universiti.
5. Taklimat ringkas yang sesuai dengan tahap murid berkaitan ujian disertakan dalam set ujian selain taklimat lisan bagi memastikan responden benar-benar faham tentang tujuan dan cara menjalani ujian.
6. Pada ruang perkataan-perkataan yang telah dibuang, ia digantikan dengan satu garisan panjang dengan ukuran yang sama supaya ia tidak menjadi petanda kepada murid terhadap jenis perkataan yang telah dibuang serta tidak mempengaruhi jawapan murid.

7. Pada setiap ruang kosong yang bergaris itu pula disertai nombor mengikut urutan bagi kegunaan semasa penyemakan dan nombor untuk jawapan aneka pilihan.

KAEDAH ANALISIS DAN INTERPRETASI DATA UJIAN KLOZ

Dalam menganalisis data ujian kloz, semakan jawapan pelajar adalah berdasarkan jawapan yang tepat sahaja. Cara ini dibuat bagi teks wajib yang digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab. Sekiranya teks yang diuji adalah teks bacaan bebas atau pilihan, jawapan yang hampir tepat boleh diambil kira dengan memberi empat aneka jawapan pilihan bagi peringkat sekolah dan tanpa jawapan aneka pilihan bagi peringkat universiti atau dewasa (Toiemah, 1984). Markat jawapan diperoleh berdasarkan peratus dengan mengira jumlah jawapan yang betul dan dibahagi kepada jumlah semua perkataan yang dipotong dalam satu petikan teks. Kemudian ia dikira bagi mendapatkan min skor keseluruhan bagi setiap teks yang diuji serta min keseluruhan skor semua teks. Dalam kajian rintis ini, bagi mengesahkan pemeriksaan jawapan ujian dilakukan dengan betul, sampel kertas jawapan yang telah disemak dirujuk kepada tiga orang pakar bidang untuk disahkan.

Bagi ujian kloz jawapan terbuka, iaitu tanpa aneka pilihan tahap markat yang digunakan adalah 0%-40% sebagai tahap kecewa, 41%-60% sebagai tahap pengajaran dan 61%-100% sebagai tahap bebas (Fagan, 1997). Toiemah (1985) berpendapat aras yang diterima pakai bagi mengukur tahap kefahaman dan kebolehbacaan bahasa Arab sebagai bahasa asing adalah 60%. Ini bermakna sekiranya purata markat ujian pelajar memperoleh lebih daripada 60% ia menunjukkan teks tersebut sesuai untuk kegunaan pelajar yang diuji. Bagi ujian yang mempunyai jawapan aneka pilihan markat yang digunakan adalah 0%-74% sebagai tahap kecewa, 75%-89% sebagai tahap pengajaran dan 90%-100% sebagai tahap bebas (Rye, 1982). Kedua-dua aras pemarkatan ini iaitu bagi jawapan aneka pilihan dan jawapan terbuka adalah hampir sama dengan pemarkatan Bormuth (1968) dan Runkin dan Culhane (1969) sebagaimana berikut:

Jadual 1: Ukuran Skor Kebolehbacaan (%)

Jawapan Terbuka (Bebas)	Jawapan Aneka Pilihan	Tahap Kebolehbacaan
0 - 40	0 - 74	Kecewa
41 - 60	75 - 89	Pengajaran
61 - 100	90 - 100	Bebas

Sumber: Rye, J. (1982) dan Fagan, D. (1997)

Intepretasi tahap-tahap kebolehbacaan di atas boleh disamakan dengan tahap kebolehan membaca kerana pengukuran kebolehan membaca dan kebolehbacaan teks bacaan boleh dijalankan serentak (Marohaini, 1999). Justeru, tahap kebolehbacaan teks bacaan juga dibahagikan kepada tiga, iaitu seperti berikut:

1. Tahap pembacaan/kebolehbacaan bebas, iaitu tahap sesuatu teks bacaan itu boleh dibaca dengan senang oleh pembaca tanpa bantuan seseorang.
2. Tahap pembacaan/kebolehbacaan pengajaran, iaitu tahap sesuatu teks bacaan itu boleh difahami dengan bantuan atau bimbingan seseorang.
3. Tahap pembacaan/kebolehbacaan kecewa, iaitu tahap sesuatu teks bacaan itu tidak boleh difahami langsung sehingga mengecewakan.

Berikut adalah jadual fungsi tahap pembacaan/kebolehbacaan:

Jadual 2: Tahap-Tahap dan Fungsi Pembacaan/Kebolehbacaan

Tahap	Ciri-Ciri	Bentuk Pembacaan
Pembacaan/ Kebolehbacaan bebas: Senang	Kefahaman yang cemerlang Ketepatan pengecaman perkataan yang cemerlang Memerlukan analisis perkataan yang sedikit Kadar bacaan yang lancar dan licin Sangat sedikit kesilapan dalam apa aspek sekalipun	Pembacaan untuk keseronokan sepenuhnya Pembacaan bermaklumat untuk pilihan sendiri sepenuhnya Kerja rumah, ujian, seatwork, pusat pembelajaran, dan segala bentuk tugas yang dilakukan sendirian
Pembacaan/ Kebolehbacaan pengajaran: Selesa	Kefahaman yang baik Ketepatan pengecaman perkataan yang baik Kadar kelancaran bacaan yang sederhana Sebahagian perkataan perlu dianalisis	Buku teks sekolah dan pembaca asas Tugas membaca berpandu berasaskan bilik darjah Panduan belajar dan tugas berpandu yang lain Borang-borang permohonan
Pembacaan/ Kebolehbacaan kecewa: Terlalu sukar	Kefahaman yang lemah Kadar kelancaran yang perlahan dan tersekat-sekat Banyak perkataan yang perlu dianalisis	Tiada bahan sesuai untuk tugas Pembacaan untuk tujuan diagnostik Pilihan sendiri yang bergantung kepada tahap minat yang tinggi walaupun bahan sukar

Sumber: Gillet dan Temple (1994)

CONTOH SET UJIAN KLOZ YANG DIBINA

Berikut adalah contoh bentuk set ujian kloz dengan jawapan aneka pilihan yang digubal dengan menggunakan teks bacaan dalam topik al-Muġġālah yang diambil daripada buku teks Bahasa Arab Tinggi tingkatan 4 (Pelajaran Ketiga). Teks ini telah dijadikan salah satu sampel untuk menguji kesesuaian dan kebolehpercayaan set ujian tersebut dalam kalangan murid.

ذُرُوسٌ مِنْ أَسْرَةِ الرَّسُولِ

مِنْ أَهْدَافِ الْحُكُومَةِ الْمَالِيَّةِ كَمَا رُسِمَ فِي تَطَلُّعَاتِ ٢٠٢٠ إِيَادُ الْمُجْتَمَعِ الْمَالِيَّةِ مُتَحَابِّ. وَمِنْ الْمَعْرُوفِ
 أَنَّ الْمُجْتَمَعَ مُكُونٌ _____ (في، مِنْ، بِ) (١) الْأَسْرِ، فَبِنَاءِ الْمُجْتَمَعِ الْمُتَحَابِّ لَا بُدَّ _____ (أَنْ،
 إِنْ، إِلَى) (٢) يَبْدَأُ بِنَاءِ الْأَسْرَةِ السَّعِيدَةِ الَّتِي يَعِيشُ _____ (بِهَا، إِلَيْهَا، فِيهَا) (٣) أَعْضَاؤُهَا مُتَحَابِّينَ
 مُتَعَاوِنِينَ. وَكُنَّا فِي _____ (رَحْلٍ، رَسُولٍ، مُحَمَّدٍ) (٤) اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ _____ (أُسُوءَ،
 نَظْرَةً، حِلْقَةً) (٥) حَسَنَةً فِي بِنَاءِ الْأَسْرَةِ السَّعِيدَةِ، فَحَقِيقٌ _____ (بِنَا، فَبِنَا، عَلَيْنَا) (٦) أَنْ نَنْظُرَ كَيْفَ كَانَ
 الرَّسُولُ يُعَامِلُ _____ (أَهْلَهُ، أَصْحَابَهُ، حَيْرَانَهُ) (٧) حَتَّى نَسْتَطِيعَ أَنْ نَقْتَدِيَ بِهِ.
 كَانَ _____ (الْبَاعِثُ، الرَّسُولُ، الرَّحْلُ) (٨) خَيْرَ زَوْجٍ لِأَزْوَاجِهِ، لَا يَعْضَبُ عَلَيْهِنَّ _____
 (فِي، عَنْ، مِنْ) (٩) غَيْرِ سَبَبٍ، وَلَا يَرْفَعُ صَوْتَهُ _____ (وَ، ثُمَّ، بِ) (١٠) لَا يَتَفَوَّهُ بِالْقَوْلِ الْفَاحِشِ
 وَالْكَلَامِ _____ (الطَّيِّبِ، الْبَلِيغِ، الْبَدِيءِ) (١١) وَقَدْ رُوِيَ أَنَّهُ لَمْ يَعْزَبْ _____ (طَعَامًا، شَرَابًا، طَبْخًا)
 (١٢) قَطُّ وَلَا يَطْلُبُ مِنْ أَزْوَاجِهِ _____ (إِفْسَادَهُ، إِعْدَادَهُ، إِتْلَافَهُ) (١٣) مَا لَمْ يَقْدِرَنَّ عَلَى إِعْدَادِهِ مِنْ
 _____ (الْمَأْكُولَاتِ، الْمُرْتَبَاتِ، الْقَدِرَاتِ) (١٤) . وَكَانَ خَيْرَ مُعِينٍ لِأَزْوَاجِهِ فِي _____ (إِحْرَاءَاتِ،

أوامر، شُرُؤُونَ (١٥) الْبَيْتِ، فَلَمْ يَحْلُ حَهْدًا فِي مُسَاعَدَتِهِمْ، _____ (لَعْلٌ، فَكَانَ، رَغَمٌ) (١٦) بِذَلِكَ مَثَلًا
 لِأَوْلَادِهِ فِي مُعَامَلَةِ النَّاسِ، _____ (وَ، إِنْ، ثُمَّ) (١٧) لِذَلِكَ نَسْنَأُ أَوْلَادَهُ عَلَى احْتِرَامِ النَّاسِ
 (فَ، وَ، كَ) (١٨) حُبِّ مُسَاعَدَتِهِمْ.
 وَكَانَ فَوْقَ ذَلِكَ _____ (فَاسِيًا، رَقِيظًا، لَطِيْفًا) (١٩) بِأَوْلَادِهِ وَأَحْفَادِهِ، وَلَا يَحْجُلُ
 (إِلَى، أَمَامَ، مِنْ) (٢٠) حَمَلِهِمْ أَوْ تَقْبِيلِهِمْ أَمَامَ النَّاسِ وَ _____ (لَوْ، أَنْ، مِنْ) (٢١) كَانَ ذَلِكَ مُخَالِفًا لِعَادَةِ
 سَادَةِ الْعَرَبِ _____ (إِلَى، فِي، عَن) (٢٢) ذَلِكَ الْعَصْرِ. وَكَانَ حَرِيصًا عَلَى _____ (شَقَاوَتِهِمْ،
 زَحَامَتِهِمْ، سَلَامَتِهِمْ) (٢٣) فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَلِذَلِكَ _____ (أَوْصَى، حَدَّثَ، هَدَّدَ) (٢٤) بِنْتِهِ فَاطِمَةَ
 بِأَنْ تَعْمَلَ لِنَفْسِهَا وَ _____ (فَكَّرَهَا، رَغَبَهَا، ذَكَرَهَا) (٢٥) بِأَنَّهَا لَنْ تَنْحُوَ فِي يَوْمِ الْقِيَامَةِ
 (لِحَقِيقَتِهِ، لِمُحَرَّدٍ، لِعَدَمٍ) (٢٦) كَوْنِهَا بِنْتًا لَهُ. وَبَلَغَ مِنْ _____ (حَرِيصِهِ، إِهْمَالِهِ، حُبِّهِ) (٢٧) عَلَى سَلَامَةِ
 أَهْلِهِ أَنَّهُ أَخْرَجَ يَوْمًا _____ (شُرْبِيَّةً، حَبَّةً، تَمْرَةً) (٢٨) مِنْ فَمِّ حَفِيدِهِ الْحَسَنِ — وَهُوَ _____ (رَحُلٌ،
 شَابٌّ، طِفْلٌ) (٢٩) صَغِيرٌ فِي ذَلِكَ الْوَقْتِ — لِأَنَّ تِلْكَ _____ (التَّمْرَةَ، الْحَجْرَةَ، الْحَبَّةَ) (٣٠) مِنْ تَمْرِ
 الصَّدَقَةِ. وَمَالَ الصَّدَقَةِ _____ (حَائِزٌ، حَالٌ، حَرَامٌ) (٣١) عَلَى الرَّسُولِ وَآلِهِ، فَلَا يُرِيدُ _____ (الشَّابُّ،
 الرَّسُولُ، الرَّحُلُ) (٣٢) أَنْ يَدْخُلَ مَالٌ حَرَامٌ فِي بَطْنِ _____ (ابْنِهِ، صَاحِبِهِ، حَفِيدِهِ) (٣٣).

KAJIAN RINTIS

Antara tujuan kajian rintis dilakukan adalah untuk memastikan kesesuaian instrumen yang dibina untuk digunakan dalam kajian sebenar serta mengukur kaedah yang dijalankan dalam melaksanakan ujian adalah praktikal dan sesuai (Ary, Jacobs & Razavieh, 2002). Dalam konteks kajian ini, instrumen yang terlibat adalah set ujian klotz yang dibina berdasarkan latar belakang teks pembelajaran dan murid sekolah di Malaysia. Sehubungan dengan itu, dalam proses ini antara perkara asas yang perlu dilakukan adalah menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang hendak digunakan.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Menurut Alias (1999) kesahan instrumen kajian menunjukkan ujian atau penilaian itu benar-benar mengukur apa yang hendak diukur. Dalam penggubalan item-item instrumen kajian, merujuk pakar merupakan cara yang biasa digunakan bagi mendapatkan kesahan kandungan alat kajian yang dibina (Alias, 1999; Burns, 2000). Melalui penilaian pakar-pakar tersebut beberapa cadangan pembaikan dan pengubahsuaian akan dikemukakan. Proses ini dilakukan bagi mendapat kesahan kandungan alat kajian (Alias, 1999; Neuman, 2003) di mana menurut Alias (1999) lagi tidak ada cara statistik sesuai yang menentukan kesahan jenis ini melainkan logik.

Pemilihan ujian klotz sebagai instrumen asas dalam mengukur kebolehbacaan teks bahasa Arab sebagai bahasa asing adalah berdasarkan saranan Toiemah (1984) dan YËnus (2003) serta perbincangan melalui temu bual semuka dengan kedua pakar tersebut. Sebagaimana yang telah dinyatakan, hingga kini tidak ada alat yang sesuai dan baik untuk mengukur teks-teks berbahasa Arab bagi penutur bukan Arab melainkan ujian klotz. Justeru pengkaji telah membina set ujian klotz bagi teks-teks

terpilih daripada buku teks BAT tingkatan empat berdasarkan prosedur ujian klok bahasa Arab sebagai bahasa asing yang digaris oleh Toiemah (1984) dengan beberapa pengubahsuaian sesuai dengan konteks kajian. Proses pembinaan dan penyediaan ujian tersebut dibuat di bawah seliaan dan bimbingan Prof. Dr. Roushdy Ahmad Toiemah bagi memastikan set ujian yang dibina bertepatan dengan kaedah pembinaan ujian klok bagi teks bahasa Arab sebagai bahasa kedua serta sesuai dengan tujuan kajian. Jadual 3 berikut adalah senarai jumlah pakar rujuk dan institusi bagi kesahan kandungan.

Jadual 3: Pakar Rujuk bagi Kesahan Kandungan Instrumen

Bil	Pakar Rujuk	Institusi
1	Prof. Dr. Roushdy Ahmad Toiemah	Universiti Mansoura, Mesir
2	Prof. Dr. Fathi Ali Yunus	Universiti Ain Syams, Mesir
3	Prof. Dr. Mahmood Kamil al-Naqoh	Universiti Ain Syams, Mesir

Setelah merujuk kepada panel pakar tersebut, mereka telah menyatakan persetujuan terhadap keseluruhan item dan kandungan instrumen dengan beberapa cadangan pembaikan dan pengubahsuaian. Langkah seterusnya selepas pembaikan dan pengubahsuaian dilakukan ialah menjalankan kajian rintis. Semasa kajian rintis dijalankan beberapa catitan dibuat. Antara yang dicatitkan ialah masa yang diperlukan untuk menjawab soalan, soalan-soalan yang menimbulkan masalah atau keraguan dan bentuk susunan atau format instrumen yang digunakan. Kemudian ia dianalisis untuk melihat tahap kebolehpercayaannya. Item-item dalam instrumen kajian kemudiannya dibaiki serta diubah suai untuk mendapatkan item yang lebih tepat.

Kebolehppercayaan pula adalah satu ukuran yang menunjukkan sejauh mana skor individu atau responden mempunyai skor sebenar (skor ralat adalah kecil) yang mencerminkan sifat atau pernyataan yang diukur (Gall, Gall & Borg, 2005). Bagi mengukur kebolehppercayaan ujian klok kaedah yang digunakan adalah dengan menggunakan formula Kuder-Richardson jenis KR_{21} . Pengiraan pekali kebolehppercayaan menggunakan formula KR dipilih kerana ia sesuai untuk alat kajian bagi data jenis dikotomi iaitu jawapan ujian berasaskan betul atau salah (Alias, 1999; Toiemah, 1978). Menurut Alias (1999) formula KR_{21} dan Cronbach Alfa adalah serupa cuma bezanya hanya cara mengira jumlah varian untuk soalan.

Pelaksanaan Kajian Rintis

Kajian rintis bagi ujian klok ini telah dijalankan di salah sebuah SMKA di Kelantan. Kajian ini telah dilakukan pada 17 September, 2006 yang melibatkan 60 orang murid pelbagai tahap pencapaian Bahasa Arab Komunikasi pada peringkat Penilaian Menengah Rendah. Murid-murid tersebut dibahagi kepada dua kumpulan di mana 30 orang daripadanya menjalani ujian klok jawapan terbuka (bebas) dan 30 orang lagi menjalani ujian klok jawapan aneka pilihan.

Mengikut Mohd. Majid Konting (2005) nilai kebolehppercayaan yang melebihi 0.6 selalunya diguna pakai dalam kajian-kajian sebagai asas penentuan tahap kebolehppercayaan soal selidik. Malah menurut Nunnally (1976) nilai tersebut juga boleh digunakan kepada formula yang setara dengan Cronbach seperti formula KR. Manakala bagi Fraenkel dan Wallen (1993) pekali kebolehppercayaan yang baik untuk tujuan penyelidikan seharusnya berada pada tahap sekurang-kurangnya 0.70 atau lebih.

Setelah kajian rintis dilakukan, beberapa ketetapan perlu dilakukan bagi menentukan bentuk instrumen sebenar yang digunakan. Hasil dari ujian klok yang dilakukan didapati tahap kebolehppercayaan ujian klok jawapan terbuka mempunyai tahap kebolehppercayaan yang lebih tinggi iaitu dengan nilai pekali kebolehppercayaan 0.83 berbanding ujian

kloz jawapan aneka pilihan yang memperoleh 0.78. Namun jika ditinjau dari sudut pencapaian murid melalui dua bentuk ujian ini didapati melalui ujian kloz bebas murid memperoleh purata markah 5%, manakala ujian kloz aneka pilihan memperoleh 47%. Daripada kajian rintis yang dilakukan beberapa maklum balas daripada murid diperoleh. Mereka menyatakan ujian kloz bebas adalah sukar kerana mereka tidak pernah didedahkan dengan format sedemikian walaupun teks yang diuji daripada buku teks BAT mereka berbanding ujian kloz aneka pilihan yang mempunyai petunjuk melalui jawapan aneka pilihan. Selain itu masa satu jam untuk ujian kloz aneka pilihan adalah lebih praktikal berbanding ujian kloz bebas yang mana sebahagian besar mereka tidak dapat menjawab atau mengisi tempat kosong yang disediakan seterusnya menghilangkan minat dan dorongan untuk menjawab soalan yang diberi.

Berikut adalah jadual kebolehpercayaan instrumen bagi pemboleh-pemboleh ubah kajian dan ujian kloz jawapan bebas dan aneka pilihan.

JADUAL 4. Pekali Kebolehpercayaan Ujian Kloz Jawapan Bebas dan Aneka Pilihan

Instrumen	Teknik	Teknik Analisis	Pekali Kebolehpercayaan
Ujian Kloz	Jawapan Bebas	KR ₂₁	0.83
	Jawapan Aneka Pilihan		0.78

KESIMPULAN

Hasil dari kajian rintis ini menunjukkan markat skor yang diperoleh murid bagi kedua-dua bentuk ujian itu berada pada tahap mengecewakan, iaitu 5% bagi jawapan terbuka atau bebas dan 47% bagi jawapan aneka pilihan. Ini bermakna tahap pembacaan responden dan tahap kebolehbacaan teks-teks yang diuji berada pada tahap kecewa. Ini bermakna kefahaman responden yang lemah, kadar kelancaran yang perlahan dan tersekat-sekat, dan banyak perkataan yang perlu dianalisis oleh responden. Namun dapatan ini tidak boleh digeneralisasikan kepada murid-murid di sekolah-sekolah lain kerana kajian ini bersifat rintis dan hanya melibatkan sebuah sekolah sahaja.

Berdasarkan proses pembinaan set ujian kloz dan kajian rintis yang dijalankan, pengkaji telah berjaya menghasilkan satu set ujian kloz yang boleh digunakan untuk mengukur tahap kebolehbacaan teks Arab sebagai bahasa asing yang digunakan pada peringkat persekolahan khususnya peringkat menengah atas. Ini berdasarkan nilai pekali kebolehpercayaan bagi kedua-dua bentuk ujian tersebut, iaitu 0.83 bagi bentuk jawapan terbuka dan 0.78 bagi bentuk jawapan aneka pilihan. Sehubungan itu kedua-dua instrumen ini secara asas boleh digunakan untuk ujian sebenar.

Namun begitu melalui kajian rintis juga pengkaji telah mengenal pasti bentuk ujian kloz yang lebih sesuai untuk digunakan berbanding yang satu lagi, iaitu ujian kloz yang berasaskan jawapan aneka pilihan sebagai alat ujian sebenar kerana kesesuaiannya dengan murid sekolah menengah di Malaysia. Manakala bentuk jawapan terbuka boleh digunakan kepada responden yang lebih matang seperti para pelajar pusat pengajian tinggi atau orang dewasa. Ini berdasarkan skor yang diperoleh melalui dua bentuk ujian serta respon lisan responden sejujur selepas ujian dilaksanakan dalam kajian rintis ini.

Oleh itu diharap ujian kloz seperti ini boleh digunakan untuk mengukur tahap kesukaran teks-teks bacaan yang digunakan untuk tujuan pembelajaran pada peringkat menengah di Malaysia, malah di samping itu juga ia boleh mengukur tahap kefahaman murid

terhadap teks yang dipelajari serta menilai tahap pemerolehan perbendaharaan kata murid dan aras pengetahuan sistem nahu bahasa Arab dalam kalangan murid.

RUJUKAN

- Alderson J.C. (2000). *Assessing reading*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Alias Baba. (1999). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ary, D., Jacobs, L.C., & Razavieh, A. 2002. *Introduction to research in education* (6th ed.) U.S.A: Wadsworth, Thomson Learning.
- BÉdÊ, K.G. (1982). *TaÍdÊd NawÉmil al-suhÉlah wa al-ØuÑÉbah fÊ mÉddah al-maqrÊ ladÉ talÉmÉdh al-marÍalah al-´ibtidÉ´iyyah*. Tesis Doktor Falsafah, tidak diterbitkan. Kaherah: Kulliyyah al-Tarbiyyah, JÉmiÑah ÑAin Syams.
- Bormuth, J.R. (1968). Cloze test readability: Criterion reference scores. *Journal of Educational Measurement*, 5, 189-196.
- Burns, R.B. (2000). *Introduction to research methods*. London: SAGE Publications.
- Chall, J.S. (1974). *Readability: An appraisal of research and application*. Epping Essex: Bowker Publishing Company.
- Cranney, A. (1973). The constructions of two types of cloze reading test for college students. *Journal of Reading Behavior*, 5(1), 60-64.
- DÉud, B.A. (1977). *ÑAlÉqah al-maqrÊ´iyyah bi baÑli al-mutaghayyirÉt al-lughawiyah*. Tesis Sarjana, tidak diterbitkan. Baghdad: Fakulti Pendidikan, Universiti Baghdad.
- De Santi, R.J. (1986). *The De Santi cloze reading inventory*. Boston: Allyn and Bacon, Inc.
- Fraenklen, J.R. & Wallen, N.E. (1996). *How to design an evaluate research in education*. New York: McGraw –Hill.
- Fagan, D. (1997). *Reading in advanced level physics: New approaches* [Electronic version]. East Sussex, UK: Michael Hall School.
- Gall, J.P; Gall, M.D & Borg, W.R. (2005). *Applying educational research a practical guide*. Boston: Allyn and Bacon.
- Gillet, J.W. & Temple, C. (1994). *Understanding reading problems: Assessment and instruction* (4th ed.). New York: Harper Collins College Publishers.
- Gilliland, J. (1972). *Readability*. London: University of London Press Ltd.
- Goodman, K.S. (1967). Reading: A psycholinguistic guessing game. *Journal of The Reading Specialist*, 6, 126-35.
- Gunning, T.G. (2003). The role of readability in today's classroom. *ProQuest Education Journals*, Jul-Sep 2003, 23,3: Lippincott Williams & Wilkins, Inc.
- Guthrie, J. (1973). Reading comprehension and syntactic responses in good and poor readers. *Journal of Educational Phsycology*, 65, 294-299.
- Harris A.J. & Sipay E.R. (1990). *How to increase reading ability* (7th ed.) New York: Longman.
- Harrison, C. (1980). *Readability in the classroom*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hassan Basri Awang Mat Dahan. (2002). *Language testing: The construction and validation*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Huckin, T.N. (1983). *A cognitive approach to readability. New essays in technical and scientific communication: Research, theory, practice* [Electronic version]. Paul V. Anderson, John Brockmann and Carolyn Miller (Eds). Farmingdale, New York: Baywood.
- JadÑÉn, N.A. (1989). *MustawÉ maqrÊ´iyyah nuÍÉÍ al-muÍÉlaÑah al-takwÉniyyah al-muqarrarah li al-Íaf al-khÉmis al-´ibtidÉ´É*. Tesis Sarjana, tidak diterbitkan. Amman: Universiti Jordan.

- Jones, M. (1997). Critical appraisal of the cloze procedure's use in the counting domain. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*, 10(1), 105-128.
- Jonz, J. (1976). Improving on the basic egg: The multiple-choice cloze. *Language learning*, 26(2), 255-265.
- Khadijah Rohani Mohd. Yunus. (1982). An assessment of the structure variables in Malay: a readability formulae. Doctoral Project, unpublished. Florida: The University of Miami.
- Khadijah Rohani Mohd Yunus. (1987). Formula kebolehbacaan: Satu cara objektif untuk menentukan tahap kebolehbacaan bahan-bahan bacaan. *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*, 31(4), 274-287.
- Klare, G.R. (1969). *The measurement of readability* (3rd ed.). Ames, Iowa: Iowa State University Press.
- Klare, G.R., Sinaiko, H.W., & Stolurow, L.M. (1971). *The cloze procedure: A convenient readability test for training materials and translations*. Virginia: Institute for Defense Analyses Science and Technology Division.
- Klare, G.R. (1975). Assessing readability. *Reading Research Quarterly*, 1, 62-102.
- Marohaini Yusoff. (1999). *Strategi pengajaran bacaan dan kefahaman*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-NÉjÉ, H.A. (2007). *MustawÉ maqrÉ´iyyah wa darajah ´isyrÉkiyyah kitÉb al-lughah al-ÑArabiyyah li al-Îaf al-sÉdis al-´ibtidÉ´iy fi al-´ImÉrÉt al-ÑArabiyyah al-Mutta´idah*. Didapati pada 10/11/2007 dari <http://www.lahaonline.com/index.php?option=content&task=view&id=1138§ionid=1>.
- Naqrasy, K.S. (1991). *MustawÉ maqrÉ´iyyah kitÉb al-lughah al-ÑArabiyyah al-muqarrar li al-Øaf al-sÉdis al-´asÉsÉ*. Tesis Sarjana, tidak diterbitkan. Irbid: Universiti Yarmouk, Jordan.
- Neuman, W.L. (2003). *Social research methods: qualitative and quantitative approaches* (5th ed.). U.S.A: Pearson Education, Inc.
- Nunnally, J.C. (1976). *Psychometric theory*. New York: Mc Graw Hill Book Company.
- Nuttall, C. (1985). *Teaching reading skills in a foreign language*. London: Heinemann Educational Books.
- Ozete, Z. (1977). The nature and measurement of meaning. *Psychological Bulletin*, 49, 197-237.
- Pikulski, J.J. (2002). *Readability* [Electronic version]. U.S.A: Houghton Mifflin Company.
- Porter, D. (1976). Modified cloze procedure: A more valid reading comprehension test. *English Language Teaching Journal*, 30(2), 151-155.
- RawÉsyidah, S.M. (1995). *MustawÉ maqrÉ´iyyah kitÉb "lughatunÉ al-ÑArabiyyah" li al-Îaf al-sÉbiÑ al-´asÉsÉ wa darajÉt ´isytirÉkiyyatuhu li al-ÎÉlib*. Tesis Sarjana, tidak diterbitkan. Karak: Universiti Mu'tah, Jordan.
- Runkin, E.F. & Culhane, J. (1969). Comparable cloze and multiple-choice comprehension test scores. *Journal of Reading*, 13 (3).
- Ryan, E.B. & Semmel, M.I. (1969). Reading as a constructive process. *Reading Research Quarterly*, 5, 59-83.
- Rye, J. (1982). *Cloze procedure and the teaching of reading*. London: Heinemann Educational Books.
- Shishi, G.H. (1982). *Validity of cloze procedure as an index of readability of arabic language reading materials*. *Dissertation Abstract International*, 43 (02), 411-a.
- Spache, G. (1953). A new readability formula for primary grade reading materials. *Elementary School Journal*, 53, 410-13.

- Taylor, W. L. (1953). Cloze procedure: a new tool for measuring readability. *Journalisme Quarterly*, 30, 415-453.
- Toiemah, R.A. (1978). The use of cloze to measure the proficiency of students of Arabic as a second language in some universities in the United States. Ph.D thesis, unpublished. University of Minnesota: Dissertation Abstract International.
- Toiemah, R.A. (1984). 'Ikhtibâr al-tatimmah wa tañlîm al-ÑArabiyyah ka lughah thÉniyah. Dlm ÑAbdullÉh SulaimÉn al-JarbÉÑ, ÑAbdullÉh ÑAbdul KarÉm al-ÑAbbÉdÉ, TammÉm HassÉn ÑUmar & Rusydi 'AÍmed ÙuÑaimah. *Majallah MaÑhad al-Lughah al-ÑArabiyyah*, 2, 513-556: Makkah al-Mukarramah: JÉmiÑah Umm al-QurÉ.
- Toiemah, R.A. (1985). DalÉl Ñamal fÉ 'iÑdÉd al-mawÉd al-taÑlîmiyyah li barÉmij taÑlîm al-ÑArabiyyah. Makkah al-Mukarramah: JÉmiÑah Umm al-QurÉ.
- Torres, M. & Roig, M. (2005). The cloze procedure as a test of plagiarism: The influences of text readability [Electronic version]. *The Journal of Psychology*, 139(3), 221-231.
- Williams, J., Leung, P., Kent J., & Heazlewood, T. (2002, July). Measuring readability in accounting: An application and evaluation of the cloze procedure [Electronic version]. Working Papers no 21/02. Faculty of Commerce Working Paper Series. Australia: Charles Sturt University.
- Yujing, Z. (2003). What is readability and how to measure it?. Paper presented at Beijing Foreign Studies University. Beijing: The Institute of Online Education. Didapati pada 14/07/2005 dari [http:// www. beiwaionline. Com /tutor /2003 collection/ zhaiyujing. htm](http://www.beiwaionline.com/tutor/2003collection/zhaiyujing.htm).
- YÉnus, F.A. (2003). Al-MarjiÑ fÉ taÑlîm al-lughah al-ÑArabiyyah li al-´ajÉnib: Min al-naÐariyyah ilÉ al-taÏbÉq. Kaherah: Maktabah Wahbah.

BIODATA

Kamarulzaman Abdul Ghani, Pensyarah Kanan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mel: qamar68@ukm.my

Prof. Madya Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan, Pensyarah, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. E-mel: hasbri@um.edu.my

Dr. Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Pensyarah Kanan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mel: nrahimi@ukm.my

